



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

6 April 2016

OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI SABAH

Faktor utama dalam menentukan kejayaan operasi pembenihan awan (OPA) adalah kedapatan awan yang sesuai iaitu kumulus menara (towering cumulus). Dalam OPA yang dilaksanakan MetMalaysia bersama TUDM, larutan air garam akan disembur ke dalam awan kumulus menara bagi membantu mempercepatkan proses perkembangan awan tersebut dan seterusnya menghasilkan hujan.

Berdasarkan pemantauan radar dan satelit sepanjang dua hari lepas, seluruh Sabah tidak mempunyai awan jenis kumulus menara ini. Sehubungan itu OPA tidak akan berjaya walaupun dilaksanakan.

MetMalaysia akan berterusan memantau keadaan cuaca di Sabah. MetMalaysia bersama TUDM akan melaksanakan OPA ini dari Pangkalan TUDM Labuan bagi kawasan Penampang, Beaufort dan Tuaran sekiranya keadaan awan sesuai.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi